

16 – Nabi Nuh mendoakan kesesatan kepada kaumnya

- وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ إِلَّا ضَلَالًا
- وَقَالَ نُوحٌ رَبِّ لَا تَذَرْ عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الْكَافِرِينَ دَيَّارًا
- Nabi Nuh mendoakan kesesatan dan kebinasaan kepada kaumnya.

Soalan

- Amat tidak patut bagi seorang Nabi untuk mendoakan kesesatan dan kehancuran kepada kaumnya sendiri.

Jawapan

- ✓ Nabi Nuh telah pun berdakwah kepada kaumnya selama 950 tahun
(Al 'Ankabuut: 14) وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا
- ✓ Allah mewahyukan kepadanya bahawa kaumnya tidak lagi akan beriman melainkan yang telah beriman وَأُوحِيَ إِلَىٰ نُوحٍ أَنَّهُ لَنْ يُؤْمِنَ مِنْ قَوْمِكَ إِلَّا مَنْ قَدْ آمَنَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا يَفْعَلُونَ (36) وَاصْنَعِ الْفُلَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحِينَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُغْرَقُونَ (Hud: 36&37)
- ✓ Kalau mereka dibiarkan hidup, mereka akan menyesatkan lebih ramai manusia إِنَّكَ إِن تَذَرُهُمْ يُضِلُّوا عِبَادَكَ وَلَا يَلِدُوا إِلَّا فَاجِرًا كَفَّارًا (Nuh: 27)

17 – Firaun terselamat daripada tenggelam?

- فَأَخَذْنَاهُ وَجُنُودَهُ فَنَبَذْنَاهُمْ فِي الْيَمِّ فَاُنْظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الظَّالِمِينَ (Al Qashah: 40)
- Allah mengepung dan menenggelamkan Firaun dan tenteranya kedalam laut.

Soalan

- Ayat **فَالْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَدَنِكَ لِتَكُونَ لِمَنْ خَلْفَكَ آيَةً** (Yunus: 92) mengatakan jasad Firaun terselamat.
- Adakah Al Quran tersalah dalam menceritakan pengakhiran hidup Firaun? Atau pun ayatnya saling bercanggah antara tenggelam dan selamat?

Jawapan

- ✓ Ayat pertama mengatakan Firaun tenggelam kedalam laut.
- ✓ Ayat kedua mengatakan jasadnya tidak binasa.
- ✓ Tiada percanggahan didalam dua ayat sebelum ini kerana tidak mustahil Firaun mati lemas didalam laut dan jasadnya juga tidak binasa.

18 – Maryam memencilkan diri

- (Maryam: 16) وَادْكُرْ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذِ انْتَبَذَتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرْقِيًّا
- Maryam memencilkan diri daripada keluarganya di suatu tempat di sebelah timur.

Soalan

- Kenapa Maryam mengasingkan dirinya daripada masyarakat (sebelum melahirkan Nabi Isa)?
- Ataupun keluarganya telah membuangnya?
- Beliau tidak takut diganggu?

Jawapan

- ✓ Keluarga Maryam merestuinnya mengasingkan diri untuk keselesaan beribadat.
- ✓ Walaupun tinggal berasingan, tetapi keluarganya masih lagi mengawasinya.
- ✓ Tinggal di tempat berasingan tidak semestinya berada jauh.
- ✓ Tempoh beliau mengasingkan diri tidak jelas.

19 – Sekitar peristiwa Maryam melahirkan

- تُسَاقِطُ عَلَيْكَ رُطْبًا جَنِيًّا hingga kepada firmanNya فَأَجَاءَهَا الْمَخَاضُ إِلَى جِذْعِ النَّخْلَةِ (Maryam: 23-25)
- Maryam berada di pangkal dan sekitar pohon tamar ketika melahirkan anaknya.

Soalan

- Kitab Taurat dan sebuah hadith riwayat Anas mengatakan Maryam melahirkan anaknya di Bait Laham.
- Di Bait Laham tiada pokok kurma kerana faktor cuacanya yang sejuk dan lembap.
- Bagaimana Al Quran mengatakan Maryam melahirkan Nabi Isa dekat pokok kurma?

Jawapan

- ✓ Menurut sejarah, pokok kurma itu memang wujud dan tapak pokok kurma itu masih ada hingga sekarang.
- ✓ Peristiwa itu berlaku pada musim sejuk dan pokok kurma itu tetap berbuah kerana mu'jizat dan untuk memuliakan Maryam.
- ✓ إِنْ نَذَرْتُ لِلرَّحْمَنِ صَوْمًا (Maryam: 26) Bukan puasa daripada makan dan minum, tetapi 'puasa' daripada bercakap.

20 – Apakah setiap ummat mempunyai Rasul?

- (Yunus: 47) وَلِكُلِّ أُمَّةٍ رَسُولٌ فَإِذَا جَاءَ رَسُولُهُمْ قُضِيَ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ
- وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ (An Nahl: 36)
- (An Nahl: 89) وَيَوْمَ نَبْعَثُ فِي كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا عَلَيْهِمْ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَجِئْنَا بِكَ شَهِيدًا عَلَى هَؤُلَاءِ
- Ayat-ayat diatas menerangkan tentang adanya rasul dalam kalangan setiap ummat.

Soalan

- Bukankah Nabi dan Rasul itu mesti dari kalangan Bani Israil?
- Kalau Al Quran itu benar, sudah pasti ada Rasul dari kalangan pelbagai bangsa. Tetapi realitinya tiada.

Jawapan

- ✓ Sudah ada ramai para Nabi dan Rasul sebelum kelahiran Bani Israil lagi.
- ✓ Memang ada rasul-rasul yang diutuskan kepada setiap kaum sebelum Nabi Muhammad s.a.w, Cuma ianya disebutkan oleh Al Quran ataupun tidak sahaja **وَرُسُلًا قَدْ قَصَصْنَاهُمْ عَلَيْكَ مِنْ قَبْلُ وَرُسُلًا لَمْ نَقْصُصْهُمْ عَلَيْكَ** (An Nisa': 164)
- ✓ **وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ** (Ibrahim: 4)